

**PENGARUH TUMPUAN PASARAN, PENGUASAAN  
PASARAN DAN ANCAMAN MORAL TERHADAP  
PRESTASI BANK DI INDONESIA**

**BUYUNG SARITA**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2006**

**PENGARUH TUMPUAN PASARAN, PENGUASAAN PASARAN  
DAN ANCAMAN MORAL TERHADAP PRESTASI  
BANK DI INDONESIA**

Oleh:

**BUYUNG SARITA**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi Ijazah  
Doktor Falsafah**

**Jun 2006**

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah saya panjatkan ke hadrat Allah Yang Maha Kuasa, kerana berkat Izin dan Kurnia-Nya sehingga saya dapat menyelesaikan penulisan disertasi ini. Kejayaan ini tidak akan dicapai tanpa bantuan daripada pengarah dan pengurus Bank Indonesia sebagai bank pusat dan Ekofin Konsulindo (*Banking & Financial Consultants*), secara khususnya kepada mereka yang telah bersedia memberikan maklumat mengenai perbankan di Indonesia.

Ucapan terima kasih paling khusus dan tulus saya tujukan kepada penyelia saya Prof. Mohamed Sulaiman dan penyelia bersama Dr. Suhaimi Shahnnon atas segala bimbingan, tunjuk ajar, kritik, dan kesabaran dalam membimbing saya hingga ke akhir proses penyelesaian disertasi ini. Terima kasih juga disampaikan kepada Prof. I. M Pandey (Indian Institute of Management, Ahmedabad), Prof. Phil Molyneux (Professor in Banking and Finance, University of Wales, Bangor, U.K.) dan Prof. Madya Fauziah Md. Taib yang banyak memberikan saranan mulai dari awal penulisan proposal, pembentukan model sehingga proses penulisan disertasi ini selesai.

Sekalung budi disampaikan kepada Dekan Pusat Pengajian Pengurusan, Dekan Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia dan Rektor Universitas Haluoleo Kendari-Indonesia yang telah memberikan kesempatan, fasiliti, dan kemudahan selama proses penyelesaian program PhD ini. Terima kasih juga disampaikan kepada Prof. Madya Zainal Ariffin Ahmad, Prof. Madya Ruhani Ali atas semua kritik dan saranan selama proses penyusunan disertasi ini hingga selesai. Juga disampaikan terima kasih

kepada Pn. Rusnah, Kak Aton, dan semua staf di Pusat Pengajian Pengurusan yang telah memberikan perhatian dan dorongan selama saya mengikuti program ini.

Amat tidak dilupakan kepada isteri saya yang tercinta Dade Prat Untarti dan anak-anak saya Muhammad Raka Zulfikar, Farida Maharani Azzahra yang selalu berdoa dan memberi sokongan dengan penuh kasih sayang, dan yang sentiasa bertanya "kapan ayah pulang?".

Terima kasih juga dirakamkan kepada Agustinus Setiawan Santoso Ph.D, Suhairi Ph.D, Tafdil Husni Ph.D, Jasman Jakfar M. Ph.D, Dr. Roselee Shah Shahrudin, Bambang Hartadi Ph.D, Sefnedi, Ali Jamhuri, Nugroho, Darno dan Pujiharto yang telah banyak membantu di dalam proses penyelesaian disertasi ini. Tidak ketinggalan saya mengucapkan penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan di PhD Room yang selalu memberi sokongan antaranya Pak Iskandar, Pak Mahdani, Pak Isnurhadi, Pak Nardi, Galumbang H. Ph.D, Pak Herianto puspo, Ph.D, Noor Azmi Hashim, Rahman Abdul Rahim, Raman Nurdin, Erlina, Kitima, dan Chutima.

Akhir sekali, ucapan terima kasih disampaikan kepada kawan-kawan yang telah banyak memberikan sokongan moral, yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu. Terima kasih atas sokongan doa yang selalu diberikan.

Pulau Pinang, Jun 2006

**PENGARUH TUMPUAN PASARAN, PENGUASAAN PASARAN DAN  
ANCAMAN MORAL TERHADAP PRESTASI  
BANK DI INDONESIA**

**Abstrak**

Kajian ini mengkaji pengaruh tumpuan pasaran, penguasaan pasaran dan ancaman moral terhadap prestasi bank di Indonesia dengan menggunakan hipotesis Struktur-Perlakuan-Prestasi atau *Structure-Conduct-Performance* (SCP), dan hipotesis Efisiensi Relatif atau *Relative Efficiency* (RE). Dimensi-dimensi yang dikenalpasti mempengaruhi prestasi bank dalam kajian ini adalah SCP, RE dan ancaman moral. Tumpuan juga diberi kepada pengaruh kesan pembolehubah khusus bank sebagai pembolehubah kawalan terhadap prestasi bank. Analisis data dijalankan dengan membahagikan tempoh kajian kepada tiga fasa iaitu: (i) sebelum krisis kewangan Asia (yang membabitkan 203 buah bank); (ii) semasa krisis (133 buah bank); (iii) dan selepas krisis (133 buah bank) dengan menggunakan teknik analisis data panel dinamik. Penemuan kajian ini bagi tempoh-tempoh sebelum dan selepas krisis mendapati bahawa hasil jangkaan prestasi bank di Indonesia menunjukkan berada pada tahap pertengahan, dan ini bermakna bahawa sektor perbankan Indonesia terkeluar daripada struktur pasaran persaingan sempurna, meskipun belum begitu jauh. Manakala hasil jangkaan prestasi bank dalam tempoh semasa-krisis menunjukkan berada pada tahap yang cukup rendah. Ini bermakna bahawa sektor perbankan mendekati struktur pasaran persaingan sempurna. Penemuan selanjutnya, secara umumnya bagi keseluruhan tempoh kajian, mendapati bahawa peningkatan penumpuan pasaran kepada bank-bank besar, baik bank swasta mahupun bank kerajaan, yang secara relatifnya kecil, rendahnya kos pakatan dan lemahnya tahap persaingan menyokong hipotesis SCP, manakala menolak hipotesis RE. Seterusnya besarnya pinjaman kepada kumpulan perniagaan, tempoh kajian sebelum-krisis dan semasa-krisis memberi kesan negatif terhadap prestasi bank. Hal ini menyokong hipotesis ancaman moral.

# THE EFFECT OF MARKET CONCENTRATION, MARKET SHARE AND MORAL HAZARD ON BANK PERFORMANCE IN INDONESIA

## Abstract

This study examines factors impacting bank performance in Indonesia using an empirical framework that incorporates the traditional Structure-Conduct-Performance (SCP) and the Relative Efficiency (RE) hypotheses. In this study, the dimensions of the variables of market structure, relative efficiency and moral hazard, which are deemed to impact bank performance, are examined. This study also applies the influence of bank-specific factors as a control variable on bank performance. The period of study is divided into three phases, that is: (i) before the Asian financial crisis (which involves 203 banks), (ii) during the crisis (133 banks) and (iii) after the crisis (133 banks); making use of dynamic panel data technique analysis. The findings for before-crisis and after-crisis periods show that bank performance persists to a moderate extent, indicating that departures from perfect competitive market structure in the Indonesian banking sector may not be that large. On the other hand, during-crisis period, bank performance shows a near perfectly competitive market structure. The traditional SCP paradigm would suggest that increased concentration fosters collusion and anti-competitive practices, whereas the RE hypothesis suggests otherwise. The findings also show a negative relationship between loans to group businesses and bank performance because of the high loans provided to group businesses for the two periods of study, which supports the moral hazard hypothesis.

## SENARAI KANDUNGAN

	<i>Muka Surat</i>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Masalah	1
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Persoalan Penyelidikan	9
1.4 Objektif Penyelidikan	10
1.5 Skop Penyelidikan	10
1.6 Kepentingan Penyelidikan	11
1.7 Susunan Tesis	11
<b>BAB 2 GAMBARAN UMUM BANK DI INDONESIA</b>	<b>13</b>
2.0 Pengenalan	13
2.1 Takrif Bank	13
2.2 Jenis Bank di Indonesia	14
2.3 Fungsi Bank Umum	15
2.4 Perkembangan Bank Umum di Indonesia	15
2.5 Ringkasan	17
<b>BAB 3 TEORI ASAS, SOROTAN LITERATUR DAN PERNYATAAN HIPOTESIS</b>	<b>19</b>
3.0 Pengenalan	19
3.1 Asas Teori Penyelidikan	19

3.1.1	<i>Teori SCP</i>	21
3.1.2	<i>Teori RE</i>	23
3.1.3	<i>Ancaman Moral</i>	25
3.1.4	<i>Kegunaan Model Bagi Bank-Bank di Indonesia</i>	26
3.1.5	<i>Pentakrifan Prestasi dan Pengukuran Prestasi</i>	28
3.1.5.1	<i>Pentakrifan Prestasi</i>	28
3.1.5.2	<i>Pengukuran Prestasi</i>	29
3.1.5.2.1	<i>Pulangan ke atas Aset (Return on Assets)</i>	31
3.1.5.2.2	<i>Margin Faedah Bersih (Net Interest Margin)</i>	31
3.1.5.2.3	<i>Struktur Pasaran (Tumpuan Pasaran)</i>	32
3.1.5.2.4	<i>Kecekapan Relatif (Penguasaan Pasaran)</i>	33
3.1.5.2.5	<i>Ancaman Moral (Pinjaman Kepada kumpulan Perniagaan)</i>	34
3.1.5.2.6	<i>Penguasaan pasaran pinjaman</i>	35
3.1.5.2.7	<i>Pinjaman ke atas Deposit</i>	36
3.1.5.2.8	<i>Pinjaman ke atas Jumlah Aset</i>	38
3.1.5.2.9	<i>Nisbah Liabiliti ke atas Jumlah Aset (liabilities to total assets Ratio)</i>	39
3.1.5.2.10	<i>Modal ke atas Jumlah Aset (Nilai kecukupan modal)</i>	40
3.1.5.2.11	<i>Nisbah Kos Gaji dan Upah ke atas Jumlah Aset (Salaries and wage expenses to total assets)</i>	41
3.1.5.2.12	<i>Jumlah Aset</i>	42
3.2	<i>Sorotan Karya</i>	43
3.2.1	<i>Struktur Pasaran</i>	43
3.2.2	<i>Kecekapan Relatif</i>	47

3.2.3	<i>Ancaman Moral</i>	56
3.3	Pernyataan Hipotesis	62
3.3.1	<i>Struktur Pasaran atau Tumpuan Pasaran dan Prestasi Bank</i>	62
3.3.2	<i>Kecekapan Relatif atau Penguasaan Pasaran dan Prestasi Bank</i>	63
3.3.3	<i>Ancaman Moral atau Pinjaman Kepada Kumpulan Pemiagaan Terhadap Prestasi Bank</i>	63
3.3.4	<i>Penguasaan pasaran pinjaman Terhadap Prestasi Bank</i>	64
3.3.5	<i>Pinjaman ke atas Deposit dan Prestasi bank</i>	64
3.3.6	<i>Pinjaman ke atas Jumlah Aset dan Prestasi Bank</i>	64
3.3.7	<i>Nisbah Jumlah Liabiliti ke atas Jumlah Aset dan Prestasi Bank</i>	65
3.3.8	<i>Modal ke atas Jumlah Aset dan Prestasi Bank</i>	65
3.3.9	<i>Nisbah Kos Gaji dan Upah ke atas Jumlah atas Aset dengan Prestasi Bank</i>	66
3.3.10	<i>Jumlah Aset dan Prestasi Bank</i>	66
3.3.11	<i>Kumpulan Bank dan Prestasi Bank</i>	67
3.4	Rumusan Kajian	67
<b>BAB 4</b>	<b>KERANGKA KERJA DAN PENGKAEDAHAN KAJIAN</b>	69
4.0	Pengenalan	69
4.1	Kerangka Kerja Kajian	69
4.2	Pengkaedahan Kajian	75
4.2.1	<i>Populasi dan Sampel</i>	76
4.2.2	<i>Sumber Data</i>	78
4.2.3	<i>Mengenal pasti Pembolehubah dan Definisi Pengoperasian Pembolehubah</i>	78
4.2.3.1	<i>Mengenalpasti Pembolehubah</i>	78
4.2.3.2	<i>Definisi Pengoperasian Pembolehubah</i>	78
4.2.4	<i>Analisis Data</i>	81
4.2.4.1	<i>Model Kesan Tetap</i>	82

4.2.4.2	<i>Model Kesan Rawak</i>	83
4.3	Model Analisis Kajian	85
4.4	Ringkasan	89
<b>BAB 5</b>	<b>ANALISIS DAN PENEMUAN</b>	<b>90</b>
5.0	Pengenalan	90
5.1	Analisis Deskriptif	90
5.1.1	<i>Prestasi Bank</i>	92
5.1.2	<i>Tumpuan Pasaran</i>	93
5.1.3	<i>Penguasaan Pasaran</i>	94
5.1.4	<i>Pinjaman Kepada Kumpulan Perniagaan</i>	95
5.1.5	<i>Penguasaan Pasaran Pinjaman</i>	96
5.1.6	<i>Pinjaman ke atas Deposit</i>	97
5.1.7	<i>Pinjaman ke atas Jumlah Aset</i>	98
5.1.8	<i>Jumlah Liabiliti ke atas Jumlah Aset</i>	99
5.1.9	<i>Nilai Kecukupan Modal</i>	100
5.1.10	<i>Kos Gaji dan Upah ke atas Jumlah Aset</i>	101
5.1.11	<i>Jumlah Aset</i>	102
5.2	Diagnostik Andaian Klasik	102
5.2.1	<i>Pengujian Normaliti</i>	103
5.2.2	<i>Pengujian Heteroskedastisiti</i>	104
5.2.3	<i>Pengujian Multikolinieriti</i>	105
5.2.4	<i>Pengujian Autokorelasi</i>	106
5.2.5	<i>Pengujian "Unit Root"</i>	107
5.3	Kesesuaian model (Model "Fit")	107
5.3.1	<i>Pekali Penentu (R-Square)</i>	107
5.3.2	<i>Pekali Penentu Di laras (Adjusted (<math>R^2</math>))</i>	108
5.3.3	<i>Ujian Pembolehubah Disingkir (Omitted Variable Test)</i>	109
5.4	Pemilihan Model Analisis	111
5.5	Kesan Antara Struktur Pasaran, Penguasaan Pasaran, dan Ancaman Moral Terhadap Prestasi Bank Sebelum Krisis.	112

5.6	Kesan Antara Struktur Pasaran, Penguasaan Pasaran, dan Ancaman Moral Terhadap Prestasi Bank Semasa Krisis.	122
5.7	Kesan Antara Struktur Pasaran, Penguasaan Pasaran, dan Ancaman Moral Terhadap Prestasi Bank Selepas Krisis.	132
5.8	Pengujian Chow	142
5.9	Ringkasan	144
<b>BAB 6</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>149</b>
6.0	Pengenalan	149
6.1	Ringkasan Keseluruhan Kajian	149
6.1.1	<i>Fokus Kajian dan Kaedah Kajian</i>	149
6.1.2	<i>Rumusan Pembolehkan Kajian</i>	151
6.1.3	<i>Hubungan Antara Pembolehkan Kajian</i>	154
6.1.4	<i>Dapatan Kajian</i>	158
6.2	Perbincangan	161
6.2.1	<i>Pinjaman Kepada Kumpulan Perniagaan (PKP)</i>	162
6.2.2	<i>Tumpuan Pasaran (TP)</i>	165
6.2.3	<i>Penguasaan Pasaran (DPP)</i>	166
6.2.4	<i>Lagged Time <math>\pi_{t-1}</math> Prestasi Bank</i>	167
6.2.5	<i>Penguasaan Pasaran Pinjaman (PPP)</i>	169
6.2.6	<i>Pinjaman ke atas Deposit (PD)</i>	170
6.2.7	<i>Pinjaman ke atas Jumlah Aset (PA)</i>	171
6.2.8	<i>Jumlah Liabiliti Ke atas Jumlah Aset (JLJA)</i>	173
6.2.9	<i>Nilai Kecukupan Modal (NKM)</i>	175
6.2.10	<i>Nisbah Kos Gaji dan Upah ke atas Jumlah Aset (KGJA)</i>	176
6.2.11	<i>Jumlah Aset (LJA)</i>	177
6.2.12	<i>Kumpulan Bank</i>	179
6.3	Implikasi Kajian	181
6.3.1	<i>Implikasi Terhadap Teori</i>	181
6.3.2	<i>Implikasi Terhadap Amalan Struktur Pasaran</i>	183

*Dalam Industri Perbankan*

6.4	Batasan Kajian	184
6.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	185
6.6	Kesimpulan	186
<b>RUJUKAN</b>		189
LAMPIRAN A.1	Perbandingan Antara Jumlah Pinjaman yang Diedarkan oleh Bank dan Pinjaman yang Diagihkan kepada Kumpulan Perniagaan pada 10 Bank yang telah muflis dari 1994 hingga 1996 (IDR.bilion).	202
LAMPIRAN A.2	Perbandingan Antara Jumlah Pinjaman yang Diedarkan Oleh Bank dan Pinjaman yang Diagihkan kepada Kumpulan Perniagaan pada Masa Sebelum Krisis kepada 10 Bank yang Tidak Muflis 1994 hingga 2002 (IDR. Juta).	203
LAMPIRAN B	Jumlah Bank yang Menjadi Sampel Kajian	206
LAMPIRAN C.1	Hasil Pengujian Normaliti Data Sampel 203 Bank 1994 - 1996	212
LAMPIRAN C.2	Hasil Pengujian Normaliti Data Sampel 133 Bank 1997 - 1999	213
LAMPIRAN C.3	Hasil Pengujian Normaliti Data Sampel 133 Bank 2000 - 2003	214
LAMPIRAN D.1	Matriks Kovarians Koefisien ( <i>Coefficien Covariance Matrix</i> ) 1994 -1996	215
LAMPIRAN D.2	Matriks Kovarians Koefisien ( <i>Coefficien Covariance Matrix</i> ) 1997 -1999	216
LAMPIRAN D.3	Matriks Kovarians Koefisien ( <i>Coefficien Covariance Matrix</i> ) 2000 - 2003	217
LAMPIRAN E	Ujian "Unit Root" Kumpulan ( <i>Group unit root test</i> )	218
LAMPIRAN F	Ujian Pembolehubah Disingkir ( <i>Omitted Variable Test</i> )	224
LAMPIRAN G	Ujian Hausman ( <i>Hausman Test</i> )	230
LAMPIRAN H.1	Hasil Analisis Regresi Sebelum Krisis Ekonomi	236
LAMPIRAN H.2	Hasil Analisis Regresi Semasa Krisis Ekonomi	238

LAMPIRAN H.3	Hasil Analisis Regresi Selepas Krisis Ekonomi	240
LAMPIRAN I	Pengujian Chow	242
LAMPIRAN J	Senarai Singkatan	245
LAMPIRAN K	Data Sampel 1994 - 2003	246

## SENARAI JADUAL

<b>Bil. Jadual</b>	<b>Judul Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 1.1	Perkembangan Jumlah Perolehan Keuntungan Yang Dihimpunkan Berdasarkan Kumpulan Bank dari 31 Disember 1999 sehingga 31 Disember 2003 (IDR. bilion)	6
Jadual 2.1	Perkembangan Jumlah Bank dan pejabat cawangan Bank Dari Tahun 1996 hingga 2003	16
Jadual 3.1	Tahap Bank Berdasarkan Perolehan Deposit Dari Tahun 1994 hingga 2003 di Indonesia (Trillion Rp)	27
Jadual 4.1	Definisi Pengoperasian Pembolehubah- Pembolehubah Kajian	79
Jadual 5.1	Nilai Purata, Median, Maksimum, Minimum, dan Sisihan piawai Pembolehubah Kajian	91
Jadual 5.2	Hasil Pengujian Heteroskedastisiti White	105
Jadual 5.3	Hasil Pengujian Autokorelasi Antara Tempoh Period Kajian Sebelum, Semasa, dan Selepas Krisis Ekonomi	106
Jadual 5.4	Ringkasan daripada Model Kesesuaian ( <i>Model Fit</i> )	109
Jadual 5.5	Ringkasan daripada Model Kesesuaian Ujian Pembolehubah Disingkir ( <i>Omitted Variable Test</i> )	110
Jadual 5.6	Ringkasan daripada Model Kesesuaian Ujian Pembolehubah Disingkir ( <i>Omitted Variable Test</i> ) Dengan Adanya Penambahan Pembolehubah Kajian ini.	110
Jadual 5.7	Ringkasan Ujian Kesan Rawak "Cross-sectional" ( <i>Hausman Test</i> )	111
Jadual 5.8	Analisis Regresi Kesan Antara Struktur Pasaran, Penguasaan Pasaran, dan Ancaman Moral Terhadap Prestasi Bank Sebelum Krisis.	113

Jadual 5.9	Analisis Regresi Kesan Antara Struktur Pasaran, Penguasaan Pasaran, dan Ancaman Moral Terhadap Prestasi Bank Semasa Krisis Ekonomi.	123
Jadual 5.10	Analisis Regresi Kesan Antara Struktur Pasaran, Penguasaan Pasaran, dan Ancaman Moral Terhadap Prestasi Bank Selepas Krisis Ekonomi.	135
Jadual 5.11	Ringkasan Hasil Pengujian Hipotesis	146

## SENARAI RAJAH

<b>Bil. Rajah</b>	<b>Judul Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
Rajah 3.1	Paradigma SCP	23
Rajah 3.2	Paradigma RE	24
Rajah 4.1	Kerangka penyelidikan	70
Rajah 4.2	Carta Aliran	74
Rajah 5.1	Hasil Pengujian Normaliti data sebelum krisis, semasa krisis, dan selepas krisis ekonomi.	103

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan agenda kajian yang dimulakan dengan latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif penyelidikan, skop penyelidikan, kepentingan penyelidikan, dan perbincangan tentang susunan tesis.

### **1.1 Latar Belakang Masalah**

Perbankan merupakan salah satu sektor ekonomi yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara kerana sektor tersebut sangat berkaitan dengan aktiviti pelaburan. Ia memerlukan dana daripada simpanan individu, syarikat dan kerajaan yang akan diuruskan oleh pihak bank sebagai badan perantara dana (Republik Indonesia Undang-Undang No. 7 tahun 1992).

Diamond dan Dybvig (1983), King dan Levine (1993), dan Peng (1998) menjelaskan bahawa bank adalah sebuah institusi kewangan yang berkaitan dengan proses penawaran dan permintaan wang dalam kalangan masyarakat, perseorangan, syarikat, dan kerajaan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Seterusnya bank juga akan meningkatkan jumlah kumpulan dana yang akan digunakan sebagai pinjaman kepada masyarakat atau syarikat sehingga boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi (Brown, 1994; Goldberg & Saunders, 1981).

Secara khususnya, perbankan di Indonesia sangat berkait dengan masalah perkembangan ekonomi pada dekad 1980-an hingga 90-an di mana sumber pendapatan dari sektor minyak dan gas tidak lagi menjadi sumber pendapatan ekonomi utama kerajaan kerana kemerosotan harga minyak (Kuncoro & Sarjono, 2002). Kemerosotan harga minyak menyebabkan kerajaan sukar menanggung kos pembangunan yang telah dilaksanakan, maka kerajaan melakukan pengumpulan dana daripada masyarakat melalui institusi kewangan seperti institusi perbankan. Lanjutan dari sokongan terhadap keupayaan pengumpulan dana daripada masyarakat melalui sistem perbankan ini, kerajaan telah melancarkan sistem liberalisasi perbankan pertama pada tahun 1983 yang bertujuan untuk menghapuskan had pinjaman, liberalisasi kaedah deposit dan peminjaman (Nasution, 1993). Liberalisasi sistem perbankan yang kedua melalui Pakej Oktober 88 (PAKTO) bertujuan untuk memudahkan penubuhan sesebuah bank. Ianya dilakukan dengan menurunkan keperluan rizab daripada 15 peratus kepada 2 peratus dan membenarkan syarikat kerajaan Badan Usaha Milik Negara (BUMN) untuk menyimpan depositnya dalam bank swasta.

Liberalisasi perbankan di Indonesia telah menyebabkan perubahan struktur perbankan, iaitu peningkatan jumlah bank daripada 111 buah pada tahun 1988 kepada 240 bank pada 1996 (Laporan Bank Indonesia, 1997). Peningkatan jumlah bank ini telah menyebabkan tahap persaingan yang tinggi dalam industri perbankan. Di samping itu, perubahan struktur perbankan juga telah mewujudkan pelbagai risiko dalam operasinya, seperti risiko peningkatan kredit tak terbayar, risiko penyelewengan yang mengakibatkan kerugian kerana ketidakjujuran seperti adanya pelanggaran

had pinjaman yang ditentukan pada sisi undang-undang (*legal lending limit*), ancaman keruntuhan moral (*moral hazard*) dalam kalangan pengusaha perbankan, kakitangan, dan juga pihak peminjam yang timbul daripada maklumat tidak simetri yang wujud di antara pemberi pinjaman dan penerima pinjaman (Siamat, 1993).

Ancaman moral juga terjadi kerana beberapa buah bank yang dimiliki oleh kumpulan-kumpulan perniagaan sehingga pihak bank memudahkan lagi penyaluran kredit kepada pihak ini. Ada pihak bank yang dapat memperoleh dana murah daripada masyarakat dan dana ini diedarkan kepada kumpulan perniagaan untuk pengembangan perniagaan mereka sendiri secara besar-besaran (Husnan, 2001; Setiawan, 2004). Salah satu contoh ialah kes Bank Summa pada tahun 1990 yang mempunyai liabiliti sebanyak Rp. 700 bilion atau bersamaan dengan RM 290 bilion iaitu setara dengan enam peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Indonesia. Akibatnya memburukkan kualiti pengedaran pinjaman yang sebahagian besarnya berada dalam bentuk hartanah di mana 70 peratus daripada jumlah pinjaman diberikan kepada kumpulan perniagaan sendiri sehingga mengakibatkan prestasi Bank Summa menurun dan akhirnya ditutup oleh kerajaan (Daruri & Edward, 2004). Perkara ini juga terjadi kerana lemahnya kawalan Bank Indonesia sebagai bank pusat (*central bank*) yang mengakibatkan masalah kredit tidak berbayar, pakatan bagi kepentingan peribadi, rasuah, pemilihan peminjam yang lemah, dan ketidakmampuan bank dalam mengawal jumlah kredit yang sudah tamat tempoh (Kuncono & Sarjono, 2002; Pangestu, 2002).

Bank Indonesia selaku bank pusat adalah institusi negara yang bebas, berfungsi untuk menetapkan dan melaksanakan dasar monetari seperti:

(i) mengatur dan menjaga kelancaran sistem pembayaran; (ii) mengembangkan sistem perbankan dan sistem kredit yang sihat dengan melakukan pembinaan dan mengawal bank-bank umum di Indonesia (Republik Indonesia Undang-Undang No. 23 Tahun 1999).

Pengedaran dana kepada kumpulan perniagaan ini merupakan satu fenomena bagi industri perbankan di Indonesia seperti yang ditunjukkan pada Lampiran A.1 (ms. 202), yang menyenaraikan 10 bank yang telah muflis pada tahun 1997. Contoh ini menunjukkan adanya pengedaran dana kepada kumpulan perniagaan, misalnya Bank Andromeda menunjukkan nisbah pinjaman kepada kumpulan perniagaan berbanding dengan jumlah pinjaman yang diedarkan sebanyak 42 peratus pada tahun 1994, dan kemudiannya menurun kepada 12 peratus pada tahun 1996.

Senarai 10 bank ini menunjukkan bahawa purata 20 peratus daripada kredit diedarkan kepada kumpulan perniagaan pada tahun 1994, dan menurun ke tahap 8 peratus pada tahun 1996. Penurunan nisbah ini disebabkan oleh peningkatan jumlah pinjaman yang diagihkan. Pada tahun 1994 purata jumlah pinjaman nominal adalah 107,187 juta IDR atau bersamaan dengan RM 48,721.4 juta (1 RM = 2,200 IDR), maka jumlah dana yang diagihkan kepada kumpulan perniagaan adalah masih besar. Fenomena kewangan ini boleh dikaji dengan lebih lanjut dari sudut pandang hubungan pinjaman kepada kumpulan perniagaan terhadap prestasi bank.

Sebagai perbandingan, Lampiran A.2 (ms.203) juga menyenaraikan bank-bank yang tidak muflis pada ketika krisis ekonomi dan semasa kerajaan Indonesia menjalankan usaha menghadapi pemulihan krisis. Pada lampiran tersebut boleh dilihat bahawa purata nisbah pinjaman yang diagihkan kepada

kumpulan perniagaan adalah lebih kecil dan mengalami penurunan semasa krisis. Daripada 10 bank yang disenaraikan sebagai tidak mufliis pada tahun 1997 purata nisbah pinjaman adalah sebanyak 1.4 peratus dan meningkat kepada 6.5 peratus pada tahun 1999. Namun, pada tahun 2002 ia mengalami penurunan sehingga ke paras 0.6 peratus.

Sehingga kini, masih banyak bank yang tidak memenuhi syarat pengurusan perbankan dan peraturan perbankan secara sendiri dan ini dibuktikan pada tahun 1996, yang menunjukkan bahawa sebanyak 21 bank yang belum memenuhi kriteria kecukupan modal. Sebanyak 70 bank pula telah melanggar had pinjaman yang ditentukan pada sisi undang-undang (*legal lending limit*), dan 18 bank tidak memenuhi jumlah pinjaman ke atas deposit (Kompas 1 Jun, 1996). Sehingga November 1995, jumlah kredit tidak aktif telah mencapai Rp. 10.5 trilion, di mana sekitar 75 peratus adalah daripada kumpulan bank kerajaan (Kuncono & Sarjono, 2002).

Jadual 1.1 menunjukkan senarai prestasi perbankan di Indonesia. Kumpulan bank BUMN pada tahun 1998 mengalami kerugian yang besar iaitu sebanyak 87,207 juta IDR, iaitu bersamaan dengan RM 36,336 juta. Hampir semua bank mengalami kerugian, kecuali bank campuran dan bank asing. Tetapi, sejak tahun 2000 sehingga 2003, prestasi perbankan di Indonesia mulai meningkat.

Fenomena ini menimbulkan persoalan sama ada tingginya persaingan di antara bank-bank penyebab kemufliisan bank seperti yang telah kemukakan oleh Bruderl dan Schussler (1990) dan Bruderl, Preisendorfer, dan Ziegler (1992). Di Indonesia, jumlah bank yang telah mufliis dan digabungkan dari tahun 1996 hingga 2003 adalah sebanyak 102 buah bank atau sebanyak 57.5

peratus. Data terkini menunjukkan bahawa jumlah bank yang tidak muflis hingga tahun 2004 adalah sebanyak 138 buah bank (Bank Indonesia, 2004).

**Jadual 1.1**

***Perkembangan Jumlah Perolehan Keuntungan yang Di himpun berasaskan Kumpulan Bank dari Tahun 1994 sehingga 2003 (IDR. bilion)***

Kumpulan bank	BUMN	BPD	Bank Devisa	Bank NDevisa	Campuran	Asing	JUMLAH
1994	366	87	580	61	147	192	1,433
1995	537	140	817	51	234	295	2,074
1996	706	161	1,110	29	302	411	2,719
1997	471	177	937	93	219	527	2,424
1998	(87,207)	(9)	(84,954)	(205)	(4,572)	(853)	(177,800)
1999	(45,356)	(858)	(14,975)	(57)	977	268	(60,001)
2000	550	479	3,191	139	1,220	1,493	7,072
2001	5,969	1,022	864	194	1,247	1,293	10,589
2002	8,140	1,527	3,076	276	743	3,540	17,302
2003	8,335	1,570	6,419	411	909	2,615	20,259

Sumber: Bank Indonesia (2004)

Kerajaan Indonesia telah membuat pelbagai polisi untuk membaiki keadaan perbankan agar dapat meningkatkan prestasi. Salah satu polisi yang digunakan adalah dengan menggabungkan beberapa bank untuk meningkatkan kecekapan operasi bank seperti penggabungan di antara BBD, BDN, Bapindo, dan Bank Exim menjadi Bank Mandiri. Walau bagaimanapun, polisi ini belum cukup untuk mempertingkatkan prestasi bank sehingga masih banyaknya bank yang mengalami kemuffisan (Bank Indonesia, 1998).

Seterusnya, bank yang tidak cekap menjalankan operasinya akan mengakibatkan ketidakmampuan bank bersaing dalam menghimpun dana masyarakat mahupun mengagihkannya kepada pelanggan. Walau bagaimanapun, peningkatan kecekapan institusi perbankan terutama dalam menguruskan kos akan dapat meningkatkan keuntungan ke tahap yang maksimum.

Kajian hubungan struktur perbankan dengan prestasi bank telah banyak dijalankan pada negara-negara maju seperti Amerika dan Eropah dengan menggunakan paradigma *Structure-Conduct-Performance* (SCP) dan *Relative Efficiency* (RE). Menurut Heather (2002) pendekatan paradigma SCP kita dimulakan dengan melihat pada struktur industri dan bagaimana industri diorganisasikan ke dalam bermacam-macam pasaran yang berbeza. Seterusnya, kita memberikan pandangan bahawa perlakuan firma dalam kaitannya dengan harga adalah ditentukan oleh keluaran asli daripada struktur industri. Oleh itu, untuk melihat bagaimana cara yang ditempuh oleh firma dalam bertindak, kita boleh menganalisis prestasi mereka.

Paradigma RE menyatakan bahawa keuntungan yang berlangsung adalah suatu petunjuk bagi kecekapan relatif sesebuah firma dan hasil daripada pemilikan kemahiran atau faktor-faktor pengeluaran yang agak terhad (Smirlock, Gillian, & Marshall, 1986)

Smirlock (1985) telah mengkaji prestasi bank dengan menggunakan paradigma *Structure-Conduct Performance* (SCP) dan *Relative Efficiency* (RE), dan telah mendapati bahawa prestasi bank ditentukan oleh penguasaan pasaran kerana operasi bank telah berjalan secara cekap di Amerika, manakala tumpuan pasaran menunjukkan pengaruh yang negatif. Hal ini bermakna bahawa kedua-dua paradigma ini masih bertentangan. Paradigma-paradigma ini seharusnya selari, iaitu meningkatnya penguasaan pasaran kerana adanya tumpuan pasaran dalam industri atau sebaliknya; manakala adanya tumpuan pasaran dalam industri akan meningkatkan penguasaan pasaran dan seterusnya meningkatkan prestasi bank (Chirwa, 2001).

Lloyd-Williams, Molyneux dan Thornton (1994), Molyneux dan Forbes (1995) dan Pilloff dan Rhoades (2002) telah mengkaji hubungan antara struktur pasaran dengan prestasi bank dengan menggunakan dua pendekatan hipotesis iaitu paradigma tradisional SCP dan hipotesis RE. Ketiga-tiga kumpulan penyelidik ini telah mendapati bahawa hubungan antara tumpuan pasaran dengan prestasi bank adalah positif, manakala penguasaan pasaran adalah negatif. Hal ini bermakna bahawa kos pakatan yang rendah di antara bank akan memperoleh keuntungan normal yang tinggi, manakala penguasaan pasaran yang lemah menyebabkan tumpuan pasaran lebih utama dalam pasaran. Dapatan kajian ini menyokong hipotesis tradisional SCP tetapi bercanggah dengan hipotesis RE industri perbankan di Eropah.

Belum banyak kajian yang dijalankan mengenai hubungan antara struktur pasaran dengan prestasi bank di negara membangun. Oleh itu kajian ini akan melihat struktur pasaran, penguasaan pasaran dan ancaman moral terhadap prestasi bank di Indonesia. Fenomena ancaman moral yang wujud pada bank-bank di Indonesia merupakan suatu yang unik, mungkin tidak boleh berlaku di negara lain. Fenomena tersebut diharapkan akan menjadi pembolehubah penting sebagai penyemakan semula daripada model SCP iaitu dengan mempertimbangkan keadaan asas (*basic condition*) dan dasar awam (*public policy*) seperti yang telah dikemukakan oleh Neuberger (1998).

## **1.2 Pernyataan masalah**

Liberalisasi perbankan yang berlaku di Indonesia telah mengubah struktur perbankan sehingga wujud peningkatan jumlah bank. Peningkatan jumlah bank mengakibatkan meningkatnya tahap persaingan dalam pasaran industri

perbankan sehingga telah mendorong bank-bank untuk beroperasi secara cekap. Fenomena ini cukup menarik untuk dikaji dengan menggunakan dua model perbankan iaitu model SCP dan model RE, yang belum banyak digunakan dalam penyelidikan di negara membangun. Di samping itu, keadaan unik yang berlaku di Indonesia iaitu adanya bank dengan pemilikan dan pengagihan pinjaman kepada kumpulan perniagaan yang pemiliknya adalah pihak yang sama. Oleh itu, permasalahan kajian ini adalah sama ada model SCP dan RE dapat menjelaskan fenomena perbankan di Indonesia, dan juga sama ada ancaman moral dalam pengagihan pinjaman kepada kumpulan perniagaan akan mempengaruhi tahap prestasi bank di Indonesia

### **1.3 Persoalan Penyelidikan**

Asas yang digunakan dalam pengembangan pembolehubah kajian adalah dengan menggunakan model SCP dan model RE. Model SCP menjelaskan bahawa struktur pasaran berhubung kait secara positif dengan prestasi bank, manakala model RE menjelaskan bahawa kecekapan relatif mempunyai hubungan positif dengan prestasi bank. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan ancaman moral kerana ke pemilikan institusi bank dan wujudnya pengagihan pinjaman yang besar kepada kumpulan perniagaan yang sama pemiliknya. Oleh itu, soalan kajian ini boleh dirumuskan seperti berikut :

- a. Apakah struktur pasaran mempunyai hubungan dengan prestasi bank di Indonesia ?
- b. Apakah kecekapan relatif mempunyai hubungan dengan prestasi bank di Indonesia ?

- c. Adakah permasalahan ancaman moral akan mempengaruhi prestasi bank di Indonesia?

#### **1.4 Objektif Penyelidikan**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai, iaitu pertamanya, membangunkan kerangka kerja kajian dengan menggunakan model SCP dan RE, dan ancaman moral. Keduanya, mengkaji hubungan-hubungan yang terbentuk dari kerangka kerja kajian yang dibangunkan daripada model SCP dan RE, dan juga antara ancaman moral dengan prestasi bank. Secara lebih khusus, perhubungan tersebut adalah :

- a. Mengkaji perhubungan struktur pasaran dengan prestasi bank di Indonesia
- b. Mengkaji perhubungan kecekapan relatif terhadap prestasi bank di Indonesia
- c. Mengkaji pengaruh ancaman moral terhadap prestasi bank di Indonesia

#### **1.5 Skop Penyelidikan**

Penyelidikan ini cuba menganalisis fenomena yang terjadi pada semua bank yang beroperasi di Indonesia dengan menggunakan data dari tahun 1994 sehingga tahun 2003. Tempoh kajian terbahagi kepada tiga:

1. Tempoh 1994 hingga 1996, tempoh yang mencerminkan keadaan sebelum Indonesia menghadapi krisis ekonomi.
2. Tempoh 1997 hingga 1999 ialah tempoh semasa krisis
3. Tempoh 2000 hingga 2003 ialah tempoh di mana Indonesia berusaha keluar daripada krisis ekonomi.

Tujuan pembahagian data kepada tiga tempoh ini adalah kerana ketiga-tiga tempoh tersebut mempunyai keadaan persekitaran ekonomi yang berbeza, dan dijangka akan memberikan kesan ke atas perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terbentuk dalam soalan kajian.

## **1.6 Kepentingan Penyelidikan**

Pertamanya, kajian ini diharapkan akan dapat memberikan sumbangan secara teori dengan pengujian model SCP, RE, dan ancaman moral sebagai proksi daripada keadaan asas yang merupakan penyemakan semula daripada teori SCP, yang akan dijalankan pada negara membangun dengan menggunakan data perbankan di Indonesia dalam tahun-tahun 1994 sehingga 2003.

Kedua, kajian ini dapat memberi sumbangan secara praktikalnya dengan melakukan analisis faktor kejayaan bank sejak berlakunya liberalisasi perbankan. Secara terperinci sumbangan kajian adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi prestasi bank secara menyeluruh.
2. Untuk menyumbangkan sumber kajian baru yang akan dapat menjelaskan prestasi bank di Indonesia.
3. Untuk menyediakan maklumat perbankan supaya dapat membantu pembentukan polisi baru untuk sistem perbankan

## **1.7 Susunan Tesis**

Tesis ini dipecahkan kepada beberapa bab. Bab 2 membincangkan takrif, jenis, dan fungsi bank serta isu bank di Indonesia. Bab tiga mengulas literatur

lepas yang berkaitan dengan persoalan-persoalan kajian dan pernyataan hipotesis. Bab empat membincangkan kerangka kerja kajian, pengkaedahan kajian, dan model analisis kajian. Bab lima membincangkan analisis deskriptif sebelum krisis, semasa krisis, dan selepas krisis ekonomi, diagnostik andaian klasik dan kesan antara struktur pasaran, penguasaan pasaran, dan ancaman moral terhadap prestasi bank, serta pengujian Chow. Bab enam membincangkan ringkasan keseluruhan proses kajian, keputusan yang didapati daripada proses kajian, hasil ujian hipotesis secara ringkas, dan dapatan kajian. Seterusnya kesan ancaman moral, tumpuan pasaran, dan penguasaan pasaran terhadap prestasi bank dibincangkan. Di samping itu dibincangkan juga implikasi kajian yang merangkumi implikasi terhadap teori dan implikasi terhadap amalan struktur pasaran dalam industri perbankan, batasan kajian, cadangan kajian pada masa hadapan dan diakhiri dengan kesimpulan kajian.

## **BAB 2**

### **GAMBARAN UMUM BANK DI INDONESIA**

#### **2.0 Pengenalan**

Perbincangan pada bab ini berfokus kepada pelbagai isu bank di Indonesia. Perbincangan akan dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu takrif bank, jenis bank di Indonesia, fungsi bank umum, perkembangan bank umum di Indonesia, dan diakhiri dengan ringkasan kajian.

#### **2.1 Takrif Bank**

Setakat ini belum ada perbezaan berkenaan takrif bank, sama ada dalam sesebuah negara mahupun peringkat antara bangsa. Sekiranya ada perbezaan, ianya hanya nampak pada tugas dan usaha bank. Ada yang memberikan takrif bank sebagai suatu badan yang tugas utamanya menghimpunkan dana daripada pihak ketiga, sedangkan yang lainnya mentakrifkan bank sebagai suatu badan yang tugas utamanya adalah sebagai perantara untuk menyalurkan penawaran dan permintaan kredit pada waktu yang telah ditentukan (Suyatno, Marala, Abdullah, Apono, Ananda, & Chalik, 1987).

Kerajaan Indonesia mentakrifkan bank sebagai suatu badan yang menghimpun dana dari masyarakat dalam bentuk simpanan dan mengedarkannya kepada masyarakat dalam bentuk kredit atau bentuk lainnya untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat (Undang-Undang No. 7 tahun 1992). Seterusnya, Kuncoro dan Suhardjono (2002) menjelaskan bahawa bank adalah sebagai lembaga kewangan yang usaha utamanya

menghimpunkan dana dari masyarakat dan mengedarkannya kembali kepada masyarakat dalam bentuk kredit, serta memberikan perkhidmatan dalam proses pembayaran dan peredaran wang.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar ahli akademik bersetuju bahawa takrif bank adalah suatu badan usaha yang tugas utamanya sebagai lembaga perantara kewangan (*financial intermediaries*), mengedarkan dana daripada pihak yang berlebihan dana (*idle fund/surplus unit*) kepada pihak yang memerlukan dana atau kekurangan dana (*deficit unit*) pada waktu yang ditentukan (Dendawijaya, 2002; Hempel, 1995).

## **2.2 Jenis Bank di Indonesia**

Berasaskan Undang-Undang Republik Indonesia No. 10 tahun 1998 tentang Perbankan, bank dapat digolongkan kepada dua iaitu bank umum dan bank perkreditan rakyat. Bank umum adalah bank yang melaksanakan aktiviti secara konvensional atau berasaskan prinsip-prinsip perbankan yang dalam kegiatannya memberikan layanan dalam proses pembayaran. Bank perkreditan rakyat merupakan bank yang melaksanakan kegiatan usaha secara konvensional atau berasaskan prinsip syariah yang dalam kegiatannya tidak memberikan layanan dalam proses pembayaran.

Bank umum dapat pula digolongkan berasaskan jenis dan pemilikannya seperti; (i) Bank milik kerajaan atau badan usaha milik negara (BUMN), dan badan milik pemerintah daerah atau bank pembangunan daerah (BPD) merupakan bank yang didirikan berasaskan undang-undang pendirian bank milik kerajaan, dan seluruh modalnya berasal daripada kerajaan sebagai kekayaan bagi pemerintah pusat mahupun daerah; (ii) Bank milik swasta

nasional bank devisa mahupun bukan-devisa merupakan bank yang seluruh modalnya dimiliki oleh pihak swasta warganegara Indonesia; (iii) Bank milik swasta campuran merupakan bank yang ke pemilikan modalnya boleh berasal daripada swasta nasional mahupun warganegara asing; (iv) Bank milik asing merupakan bank cawangan dari negara asing yang ke pemilikan modal secara keseluruhan berasal daripada warga negara asing.

Bank perkreditan rakyat atau bank desa (*rural bank*) merupakan bank dengan pemilikan modalnya daripada kerajaan yang bertujuan membantu masyarakat di desa, dan aktiviti utamanya adalah menerima simpanan dalam bentuk wang dan keluaran asli (padi dan jagung), serta memberikan kredit jangka pendek dalam bentuk wang mahupun keluaran asli kepada sektor pertanian dan desa (Undang-Undang Perbankan No. 10 tahun 1998).

### **2.3 Fungsi Bank Umum**

Secara khususnya, fungsi bank umum adalah sebagai perantara kewangan iaitu memberikan perkhidmatan yang sangat meluas seperti, perkhidmatan pemindahan wang (*fund transfer*), menerima tabungan, memberikan kredit, kemudahan pembiayaan perdagangan luar negara, penyimpanan barang-barang berharga, dan juga memberikan perkhidmatan berbentuk keselamatan serta pengawasan harta milik (*trust service*).

### **2.4 Perkembangan Bank Umum di Indonesia**

Sebelum krisis wang (*monetary*) pada tahun 1994 bank di Indonesia telah berjumlah 234 buah bank dengan pejabat cawangan sebanyak 5,761 buah bank. Seterusnya pada tahun 1996 telah mengalami peningkatan menjadi 240

buah bank dengan pejabat cawangan mencapai 7,342. Krisis wang terjadi pada pertengahan tahun 1997, mengakibatkan jumlah bank menurun menjadi 164 buah bank pada tahun 1999 dengan pejabat cawangan sebanyak 7,113. Selepas krisis ekonomi masih mengalami penurunan jumlah bank sebanyak 145 buah pada tahun 2001 yang selari dengan menurunnya jumlah pejabat cawangan sehingga mencapai 6,765, dan pada tahun 2003 jumlah bank secara berterusan menurun sehingga 138 buah bank namun jumlah pejabat cawangan meningkat sehingga mencapai 7,730.

Penurunan jumlah bank ini sebagai akibat pengurusan perbankan yang dijalankan kurang profesional, sehingga bank yang bersangkutan harus melakukan konsolidasi melalui penggabungan (*merger*) dengan bank lain atau diambil alih oleh kerajaan, bahkan sebahagiannya dilikuidasi. Perkembangan jumlah bank dan pejabat cawangan bank dari tahun 1994 hingga 2003 dapat di lihat dalam Jadual 2.1 berikut :

**Jadual 2.1**

***Perkembangan Jumlah Bank dan Pejabat cawangan Bank Dari Tahun 1994 Hingga 2003.***

BANK	1994		1996		1999		2001		2003	
	Jlh	Cwg	Jlh	Cwg	Jlh	Cwg	Jlh	Cwg	Jlh	Cwg
BUMN	7	1.459	7	1.707	5	1.853	5	1.807	5	2.072
BPD	27	639	27	745	27	825	26	857	26	1.033
BDevisa	74	2.885	77	4.002	47	3.798	38	3.432	36	3.829
BN-Devisa	87	693	88	794	45	533	42	556	40	700
Campuran	29	51	31	55	30	57	24	53	20	57
Asing	10	34	10	39	10	47	10	60	11	69
<b>Jumlah</b>	<b>234</b>	<b>5.761</b>	<b>240</b>	<b>7.342</b>	<b>164</b>	<b>7.113</b>	<b>145</b>	<b>6.765</b>	<b>138</b>	<b>7.730</b>

Sumber: Bank Indonesia 1994 – 2003.

Nota: Jlh = Jumlah, Cwg = Cawangan

Kejadian berikutnya, pada 8 April 2004 Bank Indonesia melalui SK Gubernur BI Nomor 6/6/KEP-GBI dan No. 6/7/KEP-GBI/2004 melakukan penarikan izin usaha Bank Dagang Bali dan Bank Asiatik berkaitan dengan

aktiviti kedua-dua bank tersebut dalam perkreditan dengan sangkaan melakukan transaksi fiktatif. Kedua-dua bank tersebut tidak dapat memenuhi ketentuan perbankan yang sihat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Indonesia selaku bank pusat. Penarikan izin usaha kedua-dua bank tersebut menjadikan jumlah bank Devisa menurun daripada 36 bank menjadi 35 bank dan bank Non-Devisa dari 40 bank menjadi 39 bank. Dengan demikian jumlah bank yang beroperasi di Indonesia sehingga sekarang menjadi 136 bank (Bank Indonesia, 2004).

## **2.5 Ringkasan**

Takrif bank ialah sebagai suatu badan yang menghimpunkan dana daripada masyarakat dalam bentuk simpanan dan mengedarkannya kepada masyarakat dalam bentuk kredit atau bentuk lainnya untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Jenis bank di Indonesia berasaskan Undang-Undang no. 10 tahun 1998 tentang perbankan iaitu; (i) Bank milik kerajaan atau badan usaha milik negara (BUMN), dan badan milik pemerintah daerah atau bank pembangunan daerah (BPD); (ii) Bank milik swasta nasional bank devisa (BUSN Devisa) dan bank non-devisa (BUSN Non-devisa); (iii) Bank milik swasta campuran; (iv) Bank milik asing.

Penurunan jumlah bank ini adalah akibat daripada strategi menangani perniagaan perbankan yang kurang profesional dan tidak mampu bersaing dalam pasaran. Disamping itu, wujud ancaman moral boleh merupakan faktor utama daripada kejatuhan bank selain krisis ekonomi di Indonesia. Oleh itu, kerajaan Indonesia telah membuat pelbagai asas untuk memperbaiki keadaan

perbankan agar dapat meningkatkan prestasinya. Salah satu asas yang digunakan adalah dengan meningkatkan kecekapan operasi bank dengan menggabungkan beberapa bank.

Memandangkan kajian struktur pasaran dalam industri perbankan di Indonesia masih terhad, maka kajian ini akan memberikan tumpuan terhadap struktur pasaran industri perbankan di Indonesia.

## BAB 3

### TEORI ASAS, SOROTAN KARYA DAN PERNYATAAN HIPOTESIS

#### 3.0 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini akan dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu pertamanya membincangkan teori yang menjadi asas dalam pembangunan model kajian, takrif dan pengukuran prestasi bank. Bahagian kedua membincangkan sorotan literatur yang merangkumi relevansi kajian-kajian terdahulu. Bahagian ketiga membincangkan pernyataan hipotesis untuk setiap pembolehubah kajian, dan diakhiri dengan membincangkan rumusan kajian.

#### 3.1 Asas Teori Penyelidikan

Kajian ini memberikan tumpuan kepada pengujian prestasi bank dalam industri dengan menggunakan dua teori, iaitu SCP dan RE sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Smirlock et al, (1986). Kedua-dua teori ini mempunyai perbezaan pandangan dalam menganalisis hubungan antara struktur pasaran dengan prestasi bank. Pendekatan (SCP) menyatakan bahawa perlakuan dan pencapaian prestasi firma ditentukan oleh struktur industri di mana firma itu beroperasi (Heather, 2002). Seterusnya, beliau lebih menekankan bahawa perhubungan kunci "*structure-conduct-performance*" adalah rangkaian dari tumpuan penjual kepada perlakuan penentuan harga oleh pasaran terhadap prestasi. Dalam perkaitan ini akan menunjukkan apakah firma menghasilkan keuntungan di atas normal. Oleh itu, konsep teori ini menunjukkan bahawa struktur pasaran akan mempunyai hubungan yang

positif terhadap prestasi bank dengan andaian bahawa perlakuan pasaran tanpa adanya persaingan.

Seterusnya persepsi daripada teori SCP ini berasaskan kepada pandangan bahawa penumpuan pasaran mendorong pakatan di antara firma dalam industri untuk memperoleh keuntungan maksimum. Menurut hipotesis ini, tahap ketepuan pasaran yang tinggi akan mempengaruhi secara langsung tahap persaingan di antara bank dalam industri. Paradigma ini akan jelas kelihatan apabila pengaruh daripada tumpuan pasaran terhadap prestasi adalah positif dan signifikan, dan bukan lagi bersandar pada tahap kecekapan sesebuah bank (Kuncoro, 2003).

Beberapa kajian empirikal telah menguji prestasi dalam industri perbankan dengan menggunakan paradigma SCP. Kajian lepas yang telah dijalankan oleh Heggstad dan Minggo (1977), Rhoades (1982) dan Spellman (1981), dan telah dikritik oleh Gilbert (1984b), Osborne dan Wendel (1983) kerana mendapati banyak ketidaksetaraan, perbezaan, dan ketidakpuasan yang kuat daripada pendekatan ini. Oleh itu, muncullah hipotesis RE untuk memberikan penjelasan alternatif kepada model SCP.

Seterusnya hipotesis RE menyatakan bahawa hubungan antara struktur pasaran dengan prestasi bank secara individu berkait rapat dengan kecekapan bank itu sendiri di dalam operasinya. Jika bank mencapai tahap kecekapan yang tinggi berbanding dengan pesaingannya akibat struktur kos yang rendah, maka bank itu perlu mengambil kira salah satu strategi seperti;

- (i) bank dapat memaksimumkan keuntungan dengan mempertahankan harga;
- (ii) bank yang paling cekap akan memperoleh peningkatan penguasaan

pasaran dan kecekapan ini akan menjadikan daya pemacu (*driving force*) di belakang penumpuan pasaran (Kuncoro, 2003).

Kajian empirikal daripada paradigma RE ini telah cuba menjelaskan kecekapan bank tertentu dengan menggunakan pembolehubah penguasaan pasaran. Paradigma ini benar, jika prestasi bank bergantung pada penguasaan pasaran tanpa memperhitungkan tahap tumpuan pasaran. Sokongan terhadap pendekatan RE telah menemukan bahawa kecekapan bank tertentu merupakan pembolehubah dominan dalam menjelaskan keuntungan dalam industri perbankan (Brozen, 1982; Evanoff & Fortier, 1988; Smirlock, 1985)

### **3.1.1 Teori SCP**

Pada mulanya paradigma SCP merupakan teori struktur organisasi industri yang dikembangkan oleh Bain (1951) dan hanya digunakan dalam industri pembuatan di Amerika. Selepas itu teori SCP mula digunakan dalam industri perbankan dengan tujuan untuk melihat hubungan antara struktur pasaran dengan prestasi bank. Seterusnya hasil kajian daripada penggabungan beberapa bank pada tahun 60-an di Amerika telah mengakibatkan peningkatan tumpuan pasaran (*market concentration*) kerana bank boleh menguasai pasaran, sehingga dapat meningkatkan tahap keuntungan bank (Gilbert, 1984a).

Seterusnya kajian daripada paradigma SCP yang dijalankan oleh Caves (1967), telah mendapati bahawa semakin tinggi tumpuan pasaran dalam industri perbankan, akan menghalang kemasukan pesaing baru dalam pasaran Industri. Di samping itu, peningkatan tumpuan pasaran akan

mempengaruhi gaya perlakuan bank dengan melakukan pakatan di antara bank dalam industri seperti adanya penetapan polisi harga, sehingga bank yang termasuk dalam kumpulan ini akan dapat meningkatkan prestasinya.

Mora, Villarreal, dan Benitez (2005) mengandaikan bahawa bank akan mencapai keuntungan lebih besar dengan mengawal harga. Pengawalan harga didapati melalui pendekatan hipotesis SCP yang menyatakan bahawa suatu tumpuan pasaran bank dalam industri yang tinggi, bank boleh menggalakkan pakatan (*Collusion*) sesama sendiri untuk menaikkan harga, seperti faedah pinjaman dan faedah deposit dengan tujuan meningkatkan kadar keuntungan bank.

Hannan (1991) dan Lucey (1996) pula menegaskan bahawa terdapat hubungan positif antara struktur pasaran dengan prestasi. Hal ini terjadi kerana terdapat oligopoli firma dalam industri dengan kaedah penetapan harga yang bersesuaian. Akibatnya, firma-firma tersebut boleh memperoleh penguasaan pasaran yang lebih besar, dan secara tidak langsung akan memperoleh pengembalian tahap ekonomi yang lebih besar. Andaian paradigma SCP adalah bahawa, dalam struktur pasaran oligopoli, perlakuan pasaran perbankan adalah seperti tiada persaingan di antara bank dalam pasaran industri, sehingga akan meningkatkan prestasi. Hal ini disokong oleh pandangan Heather (2002) bahawa struktur industri dan prestasi firma akan berhubungan dalam struktur pasaran oligopoli, di mana perlakuan pasaran dalam industri tidak ada persaingan harga sehingga dimungkinkan untuk memaksimumkan keuntungan. Secara ringkas, perkaitan antara struktur, perlakuan, dan prestasi dalam model SCP ini boleh digambarkan seperti Rajah 3.1 berikut:




### 3.1.2 Teori RE

Teori RE muncul untuk memberikan penjelasan alternatif kepada paradigma tradisional SCP. Paradigma SCP menyatakan bahawa tahap tumpuan pasaran mempunyai pengaruh secara langsung terhadap persaingan bank dalam industri perbankan, sehingga dapat meningkatkan prestasinya. Sebaliknya, teori RE menyatakan bahawa prestasi bank diperolehi kerana kecekapan sesebuah bank dalam operasinya, penguasaan faktor-faktor keluaran dan kecekapan penggunaan terhadap sumber yang terhad (Demsetz, 1973; Peltzman, 1977).

Smirlock et al. (1986) menyatakan bahawa, secara amnya, kecekapan yang diperolehi sesebuah bank adalah berasaskan kos yang digunakan dalam operasi yang sangat rendah sehingga dapat meningkatkan penguasaan pasaran. Oleh itu, menurut paradigma ini, penguasaan pasaran yang lebih besar oleh sesebuah bank akan dapat memperoleh tahap keuntungan yang semakin besar. Dari segi lain pula, Fu & Hefferman (2005) berpandangan bahawa operasi bank pada skala ekonomi secara optimum akan memperoleh penguasaan pasaran yang lebih besar kerana rendahnya kos operasi, sehingga akan memperoleh keuntungan yang besar.

Hannan (1991), berpendapat bahawa hubungan antara penguasaan pasaran dengan prestasi merupakan fungsi daripada perbezaan kecekapan bagi setiap bank yang beroperasi. Semakin tinggi kecekapan sesebuah bank bermakna semakin rendah kos pengeluaran dalam operasi daripada bank tersebut. Oleh itu, penguasaan pasaran yang lebih besar akan dapat meningkatkan keuntungan.

Di pihak lain pula ialah *Efficiency Structure Hypothesis* (ESH) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara tumpuan pasaran dengan keuntungan. Hipotesis ini menyatakan bahawa kecekapan bank dalam operasinya akan memperoleh penguasaan pasaran yang lebih besar, yang seterusnya akan dapat memperoleh tumpuan pasaran yang tinggi (Smirlock, 1985; Rhoades, 1982; Evanoff & Fortier, 1988; Frame & Kamerschen, 1997). Hal ini juga disokong oleh Neuberger (1998) yang menyatakan bahawa penguasaan pasaran (*market share*) yang besar akan meningkatkan tumpuan pasaran (*market concentration*) dalam industri. Model RE dapat digambarkan seperti Rajah 3.2 berikut:



### 3.1.3 Ancaman Moral

Ancaman moral (*moral hazard*) merupakan kesan etika daripada kegiatan agen ekonomi dalam usaha mereka untuk memaksimumkan kepentingan sendiri dan ini mungkin akan merugikan pihak lain. Lebih buruk lagi, agen ekonomi ini tidak mahu mempertimbangkan atau bertanggungjawab atas kesan daripada tindakan mereka yang kadang-kadang boleh menyebabkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku (Hausman & McPherson, 1993; 1998). Ancaman moral juga boleh terjadi kerana agen ekonomi menghadapi ketidakpastian dalam menjalankan aktivitinya (Arnott & Stiglitz, 1988; Bohren, 1998).

Ancaman moral dalam industri perbankan di Indonesia wujud selepas suatu proses, iaitu dana masyarakat yang disimpan di bank menjadi sumber tindakan bank yang tidak bermoral kepada masyarakat. Contohnya, bank menjalankan fungsi yang tidak sesuai dengan peranannya, kerana dana yang berjaya dihimpunkan daripada masyarakat diedarkan kepada kumpulan perniagaannya sendiri, dan lazimnya pengedaran pinjaman tersebut tidak melalui analisis yang mendalam suatu fenomena yang digelar "pilihan burok" (*adverse selection*). Akibatnya, pemberian kredit tersebut tidak bersesuaian dengan prestasi yang dimiliki oleh kumpulan perniagaan. Hal ini boleh menurunkan prestasi bank dan menjadikan bank tersebut mufliis kerana dana yang diedarkan kepada kumpulan perniagaan akan memberikan tahap pulangan yang tidak sesuai dengan aturan perbankan yang umum. Seterusnya dengan adanya jaminan kerajaan ke atas simpanan masyarakat di bank akan menggalakkan lagi ancaman moral kerana bank mungkin membebankan kerajaan pula dengan tanggung jawab ini (Pangestu, 2002).